

NO. SOALAN: 424

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10453

SOALAN:

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan memperakui bahawa gaji polis di Malaysia masih terlalu rendah dan memberi tekanan kepada pihak polis serta menjejaskan profesionalisme dan integriti polis.

JAWAPAN:

Kerajaan telah mengambil inisiatif menambah baik sistem gaji Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan memperkenalkan Sistem Saraan Transformatif (SST) berkuat kuasa pada 1 Januari 2013 yang mana gred gaji PDRM diseragamkan menjadikannya lebih berdaya saing dan setaraf dengan penjawat awam lain.

Isu gaji kecil bukan faktor utama anggota PDRM terlibat dengan rasuah dan salah guna kuasa. Statistik penglibatan anggota PDRM dalam gejala rasuah bagi tahun 2016 yang dikeluarkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hanya 187 kes (0.15%) daripada keseluruhan keanggotaan PDRM. Penglibatan anggota dalam kes sedemikian lebih terdorong kepada desakan peribadi yang ingin mewah hingga menyebabkan pendapatan dan perbelanjaan menjadi tidak seimbang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN]**

SOALAN : 425

**Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta
MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan adakah Kerajaan akan
mewajibkan penumpang mengambil insurans perjalanan melalui
syarikat penerbangan ketika melancong ke luar negara.**

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, insuran perjalanan merupakan insuran yang biasanya diambil oleh pelancong atau mereka yang membuat perjalanan bagi melindungi diri dan keluarga terhadap kemalangan, kerugian dan gangguan semasa perjalanan terutama ketika berada di luar negara.

Pelancong atau mereka yang membuat perjalanan bebas untuk memilih pelbagai jenis insurans dengan manfaat yang berbeza-beza mengikut kesesuaian dan tempoh masa perjalanan mereka. Insurans perjalanan ini biasanya ditawarkan oleh syarikat insurans dengan terma dan syarat tertentu. Dalam hubungan ini, tidak semua syarikat penerbangan menyediakan insurans perjalanan memandangkan insurans ini meliputi perlindungan terhadap sebarang situasi sepanjang mereka berada di luar negara dan tidak hanya tertakluk ketika berada di dalam penerbangan sahaja.

Dalam hubungan ini, Kerajaan masih belum mempunyai perancangan untuk mewajibkan penumpang mengambil insurans perjalanan melalui syarikat penerbangan ketika melancong ke luar negara. Walau bagaimanapun berdasarkan beberapa perkembangan terkini yang melibatkan rakyat Malaysia di luar negara yang menghadapi pelbagai masalah seperti masalah kesihatan, maka Kerajaan menggalakkan agar rakyat Malaysia yang melancong ke luar negara supaya dapat mempertimbangkan untuk membeli insurans perjalanan bagi mengelakkan sebarang kesulitan yang mungkin berlaku semasa berada di luar negara.